

05/10/2001

Pemberian elaun disambut baik

KANGAR, Khamis - Kesatuan Pegawai-Pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Malaysia menyambut baik keputusan kerajaan memberi elaun RM200 sebulan sebagai insentif kepada 700 pegawai penguat kuasanya, mulai 1 September lalu.

Kesatuan itu juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan khususnya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Cuepacs, yang mengusahakan elaun itu.

Presidennya, Razali Lebai Salleh, berkata keputusan Kabinet meluluskan pemberian elaun sebanyak RM200 itu sudah pasti disambut baik sekali gus akan meransang kakitangan terbabit untuk bekerja dengan lebih bersemangat dan berdedikasi.

"Saya percaya anggota dan pegawai penguat kuasa KPDNHEP di seluruh negara bukan saja menyambut baik dan ceria dengan keputusan kerajaan itu, malah memang menunggu-nunggu pengumumannya oleh kerajaan," katanya

(END)